

## SIARAN MEDIA

### JUALAN MADANI KUSKOP DUN JAWI TAWAR DISKAUN HINGGA 30 PERATUS UNTUK 80 JENIS BARANGAN KEPADA 2,000 PENDUDUK

**JAWI, 28 JUN-** Program Jualan MADANI KUSKOP (JMK) 2026 yang berlangsung di Gelanggang Bola Keranjang, Taman Bukit Panchor hari ini menawarkan pelbagai manfaat kepada komuniti setempat terutamanya menerusi penawaran barangan keperluan asas pada harga sehingga 30 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran.

Selain itu, komuniti di sini turut mendapat akses terus kepada kemudahan program pembiayaan usahawan dan pelbagai perkhidmatan kerajaan di bawah satu bumbung. Kira-kira 2,000 penduduk sekitar Jawi berpeluang mendapatkan manfaat daripada perkhidmatan yang disediakan di Program JMK kali ini.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, YB Encik Steven Sim Chee Keong dalam ucapannya berkata, program anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) ini merupakan lokasi kelima penganjuran JMK di Pulau Pinang dan menjadi sebahagian daripada usaha berterusan Kerajaan MADANI untuk membantu rakyat menangani kos sara hidup, memperkukuh ekosistem keusahawanan serta mendekatkan perkhidmatan kerajaan kepada komuniti setempat.

Beliau menegaskan bahawa Jualan MADANI KUSKOP bukan sekadar program jualan murah. **Data Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan sektor perdagangan borong dan runcit negara terus berkembang, dengan nilai jualan hampir RM175 bilion pada April 2026, meningkat 15.3 peratus berbanding tempoh sama tahun lalu.**

Perkembangan ini menunjukkan aktiviti perdagangan domestik masih rancak. Justeru, KUSKOP mahu memastikan PMKS, koperasi serta usahawan kecil tempatan turut mendapat ruang dalam pertumbuhan tersebut, sama ada untuk menjual produk, membina pelanggan baharu atau memasuki rantai ekonomi tempatan dengan lebih kukuh, tambah beliau.

Majlis perasmian dan gimik jualan “Happy Hour” telah turut disempurnakan oleh Menteri KUSKOP YB Encik Steven Sim bersama ADUN Jawi iaitu YB Jason H'ng Mooi Lye merangkap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (EXCO) Pulau Pinang. Program ini merupakan hasil kerjasama strategik antara KUSKOP dan Pusat Khidmat ADUN Jawi bagi memastikan manfaat Ekonomi MADANI terus dirasakan oleh rakyat di setiap peringkat.

JMK kali ini menawarkan lebih 80 jenis barangan runcit dan barangan basah keluaran koperasi serta usahawan tempatan dengan potongan harga sehingga 20 peratus. Bagi memberikan penjimatan yang lebih besar kepada pengguna, sesi “Happy Hour” turut diadakan dengan tawaran diskaun sehingga 30 peratus bagi barangan terpilih.

**Antara tawaran utama yang mendapat perhatian pengunjung adalah berikut:**

<b>BIL.</b>	<b>NAMA</b>	<b>HARGA PASARAN</b>	<b>DISKAUN 20%</b>	<b>DISKAUN 30%</b>
1	DAGING	RM 34.00	RM 27.00	RM 24.00
2	AYAM	RM 14.00	RM 11.00	RM 10.00
3	IKAN TEMENUNG	RM 17.00	RM 13.50	RM 12.00
4	UDANG HARIMAU	RM 39.00	RM 31.00	RM 27.50

Program ini turut memperkukuh peranan gerakan koperasi sebagai penyedia perkhidmatan yang menyokong kesejahteraan komuniti serta membuka peluang kepada usahawan kecil dan koperasi tempatan untuk memasarkan produk mereka secara terus kepada pengguna.

Selain daripada aktiviti jualan, program ini bertindak sebagai pusat sehenti (*one-stop centre*) yang memudahkan urusan rakyat dan komuniti usahawan menerusi penyediaan 12 kaunter perkhidmatan agensi kerajaan di bawah satu bumbung, iaitu:

- Khidmat Nasihat dan Pembiayaan: Bank Rakyat, SME Bank, TEKUN Nasional dan Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM).
- Kaunter Khidmat Pelanggan: Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Zakat Pulau Pinang, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDN).

**Sehingga Disember 2025, Pulau Pinang merekodkan 819 koperasi dengan lebih 170,000 anggota dan aset bernilai kira-kira RM1.3 bilion. Manakala di DUN Jawi, terdapat 34 koperasi dengan hampir 6,200 anggota dan aset bernilai kira-kira RM22 juta.**

JMK merupakan manifestasi berterusan KUSKOP dalam memacu Ekonomi MADANI. Usaha ini terus diperkukuh melalui pendekatan ABCD iaitu Anjakan Produktiviti, Birokrasi Dipermudah, Capaian Modal dan Daya Akses Pasaran. KUSKOP akan terus memastikan kesejahteraan rakyat dan kelestarian perniagaan tempatan bergerak seiring dalam menghadapi landskap ekonomi global yang mencabar.

Hebatkan Perniagaan Malaysia!

**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI**

**26 JUN 2026**